



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(81)

20 OKTOBER 2014

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2014

KEWAJIPAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS PADA TAHAP MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) BAND 3 UNTUK KEPERLUAN PENGIJAZAHAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 6/2014 (73) bertarikh 28 September 2014 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Universiti mengambil serius mengenai kegagalan pelajar memperoleh pencapaian Bahasa Inggeris pada tahap Malaysian University English Test (MUET) Band 3 untuk keperluan pengijazahan.
3. Sehubungan itu, pihak Universiti telah memutuskan untuk **MEWAJIBKAN** kepada semua pelajar memenuhi keperluan MUET Band 3 bagi melayakkan pelajar bergraduat sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Universiti Malaysia Kelantan (Program Ijazah Sarjana Muda Penuh Masa) Edisi Keempat Cetakan 2013, Perkara 12.1: Keperluan Pengijazahan.
4. Oleh itu, semua pelajar diminta mengambil maklum mengenai perkara di atas dan memastikan syarat wajib ini dipenuhi.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROF. DR. ROSELINA BINTI AHMAD SAUFI
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran